

14/10/2001

Tindakan Amerika bukan alasan perhimpunan haram

TANAH MERAH: Serangan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan tidak wajar dijadikan alasan bagi mana-mana pihak mengambil kesempatan politik untuk mencari sokongan, termasuk menganjurkan perhimpunan yang boleh mencetuskan keresahan di kalangan rakyat.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata rakyat negara ini perlu bersabar kerana tindakan di luar batasan boleh membawa kepada timbulnya pelbagai masalah lain, di samping turut menggugat ketenteraman awam.

Walaupun bersimpati dengan nasib rakyat Afghanistan yang hidup tertekan sejak negara mereka diserang Amerika dan sekutunya sejak awal minggu lalu, beliau berkata kerajaan mempunyai cara tersendiri dalam menyalurkan bantuan.

"Sudah tentu kita bersimpati dengan orang awam di Afghanistan yang terpaksa menjadi pelarian gara-gara serangan Amerika, tetapi kita di Malaysia tidak perlu bertindak melulu.

"Kita tidak perlu menganjurkan atau mengambil bahagian dalam demonstrasi (untuk membantah serangan Amerika) dan kerajaan juga tidak mahu mana-mana pihak mengambil kesempatan politik daripada kegawatan di Afghanistan.

"Kerajaan mempunyai saluran tertentu seperti hubungan diplomatik, menerusi Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Wisma Putra untuk menanganinya," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Operasi Khidmat Masyarakat `Harumnya Namamu UiTM' anjuran Majlis Perwakilan Komander Kesatria 2001/02 di Kampung Ayer Chanal dekat sini, semalam.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Prof Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar.

Kelmarin, lebih 2,000 orang berhimpun di luar kedutaan Amerika di ibu negara sebagai membantah serangan negara itu terhadap Afghanistan manakala kira-kira 5,000 umat Islam mengadakan solat hajat di bangunan Pas negeri di Kota Bharu memohon supaya rakyat Afghanistan dilindungi Allah.

Pada majlis berasingan di Machang malam kelmarin, Mustapa berkata negara maju perlu memahami keadaan di negara membangun dan rasional di sebalik tindakan pemimpinnya dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

(END)